

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 08 OKTOBER 2016

Tengku Amir Shah

berjiwa pemurah

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj diputerakan pada 12 Disember 1990.

Baginda merupakan putera tunggal kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj hasil perkahwinan dengan seorang warga Amerika Syarikat, Cik Puan Nur Lisa Idris Abdullah.

Tengku Amir merupakan putera tunggal dan juga anakanda bongsu kepada Sultan Selangor, baginda mempunyai dua kekanda iaitu Tengku Zerafina dan Tengku Zata Shah.

Tengku Amir Shah dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor pada 3 Mei 2002 ketika berusia 12 tahun dan kini baginda sudah berusia 26 tahun.

Baginda mendapat pendidikan awal di Alice Smith School Kuala Lumpur, sebelum melanjutkan pelajarannya di Wellington College, United Kingdom pada tahun 2009.

Pada Disember 2014 lalu, Raja Muda Selangor menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Ekologi dan Biologi Alam Sekitar dari Leeds University di England.

Leeds University merupakan salah sebuah 100 universiti terbaik di dunia dan mendapat tempat ke-41 universiti terbaik di Eropah yang diaudit oleh QS World Ranking Univeristiy.

Sebelum ini, baginda pernah mengikuti latihan pegawai kadet selama setahun di Akademi Tentera Diraja Sandhurst (RMAS), United Kingdom pada 3 Mei 2015 hingga 15 April lalu.

Baginda kemudiannya menjalani latihan ketenteraan selepas menyertai Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Batalion ke-17 di Kem Terendak, Melaka dan dikurniakan Watikah Tauliah Pegawai Muda Tentera Darat Tauliah Luar Negara sebagai Leftenan Muda.

Baginda sangat dikenali sebagai seorang putera yang berjiwa rakyat dan sentiasa mengambil berat akan kebajikan rakyat jelata khususnya di Selangor.

Baginda juga merupakan penaung kepada pertubuhan kebajikan, Selangor Cheshire Home, Make a Wish dan Yayasan Raja Muda Selangor dan baru-baru ini juga baginda ke Kelantan untuk menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir dan turut melawat kawasan terjejas.